



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 14 JANUARI 2021

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **1,710 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah sebanyak **113,288 kes** (76.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Pada hari ini, 14 Januari 2021, negara kita melaporkan kes harian tertinggi setakat ini iaitu sebanyak 3,337 kes. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak **147,855 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 33,989 kes**. Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat tujuh (7) kes

import yang mendapat jangkitan dari luar negara, manakala penularan COVID-19 dalam negara pula adalah sebanyak 3,330 kes. Bagi kes penularan di dalam negara, 2,142 kes adalah warganegara Malaysia manakala 1,188 kes adalah bukan warganegara.

Selangor masih melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **1,036 kes (31.0 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **795 kes (76.7 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Johor sebanyak **460 kes (13.8 peratus)** dan Sabah sebanyak **389 kes (11.7 peratus)**.

Sebanyak **153 kes (4.6 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di lokap, depot tahanan imigresen, dan penjara yang membabitkan Kluster Tembok Mempaga (63 kes), Kluster Tropika (51 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (34 kes), Kluster Penjara Kepayan (2 kes), Kluster Tembok Choh (1 kes), Kluster Tembok Gajah (1 kes), dan Kluster Pagar Siput (1 kes).

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

Sehingga kini, terdapat **195 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **86 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan **15 kes** kematian COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **578 kes (0.39 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)**.

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
564	54994	Sabah	Lelaki (WN)	67	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
565	59139	Sabah	Perempuan (WN)	27	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	<i>Systemic Lupus Erythematosus</i> (SLE)
566	72726	Sabah	Lelaki (WN)	64	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan jantung

567	86686	Sabah	Perempuan (WN)	62	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	-
568	120055	Selangor	Lelaki (WN)	61	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, jantung, buah pinggang kronik, dan osteoarthritis
569	125431	WP Putrajaya	Lelaki (WN)	81	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan jantung
570	126310	Selangor	Perempuan (WN)	34	Hospital Serdang	Obesiti
571	130620	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	60	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
572	136363	Sabah	Lelaki (WN)	60	Jenazah dibawa ke Hospital Lahad Datu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan obesiti
573	138625	Sabah	Lelaki (WN)	66	Jenazah dibawa ke Hospital Lahad Datu	Penyakit kencing manis
574	142816	Sabah	Perempuan (WN)	91	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, paru- paru kronik, dan kebutaan

575	143623	Johor	Lelaki (WN)	61	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, buah pinggang kronik, dan strok
576	143624	Johor	Lelaki (WN)	53	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
577	111710	Selangor	Perempuan (BWN)	37	Hospital Selayang	Penyakit kencing manis
578	128750	Sabah	Perempuan (BWN)	88	Hospital Lahad Datu	Penyakit Demensia

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Sehingga 14 Januari 2021, terdapat sebanyak **623 kluster** telah dilaporkan termasuk **tujuh (7) kluster baharu** pada hari ini. Jumlah kluster yang telah tamat pula adalah sebanyak **347 kluster**, termasuk satu (1) kluster yang tamat pada hari ini iaitu Kluster Huma di Kelantan. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak **276 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **78 kluster** melaporkan pertambahan kes

pada hari ini. Kluster-kluster yang melaporkan penambahan kes baharu tertinggi adalah **Kluster Beringin sebanyak 177 kes** serta **Kluster Sungai Putus dan Kluster Pasai** yang masing-masing melaporkan sebanyak **157 kes**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **tujuh (7) kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER JALAN SELAYANG

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Gombak di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 13 Januari 2021 hasil saringan bersasar di sebuah pasaraya. Nama kluster merujuk kepada lokaliti di mana kes-kes dalam kluster ini dilaporkan berlaku iaitu di sebuah pasaraya yang terletak di Jalan Selayang Baru. Sehingga 14 Januari 2021, sejumlah 511 individu telah disaring, di mana **84 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER TROPIKA

Kluster ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 9

Januari 2021 hasil saringan tahanan dan kontak rapat di sebuah pusat tahanan. Nama kluster merujuk kepada lokaliti tempat kes-kes yang dilaporkan dalam kluster ini iaitu di Jalan Setia Tropika, Johor Bahru. Sehingga 14 Januari 2021, sejumlah 116 individu telah disaring, di mana **55 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER PASIR BARAT

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru dan Kota Tinggi di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 21 Disember 2020 hasil saringan bersasar yang dijalankan secara berperingkat di sebuah tapak projek di Pasir Gudang. Sehingga 14 Januari 2021, sejumlah 781 individu telah disaring, di mana **92 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER TAPAK BINA DUTAMAS

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kepong di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dua (2) kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-139748 dan kes ke-139749) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 12 Januari 2021 hasil saringan individu-individu bergejala. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti di mana kes-kes dalam kluster ini dilaporkan berlaku iaitu di sebuah tapak

binaan yang terletak di Jalan Dutamas Raya, Segambut, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sehingga 14 Januari 2021, sejumlah 91 individu telah disaring, di mana **18 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER JALAN PAHANG

Kluster ini melibatkan daerah Kepong, Titiwangsa, Lembah Pantai dan Cheras di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-130168) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 8 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti di mana kes-kes dalam kluster ini dilaporkan berlaku iaitu di Hospital Kuala Lumpur yang terletak di Jalan Pahang. Sehingga 14 Januari 2021, sejumlah 57 individu telah disaring, di mana **enam (6) kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. KLUSTER JALAN RANTAU-SILIAU

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Port Dickson di Negeri Sembilan. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 10 Januari 2021 hasil saringan bersasar di sebuah kilang. Nama kluster merujuk kepada lokaliti tempat kerja kes-kes yang dikesan positif iaitu di Jalan Rantau–Siliau, Bandar Sri Sendayan, Siliau, Negeri Sembilan. Sehingga

14 Januari 2021, sejumlah 508 individu telah disaring, di mana **96 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. KLUSTER INTAN MAS

Kluster ini melibatkan daerah Hilir Perak di Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-130767) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 8 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks yang beralamat di Taman Intan Emas, Teluk Intan, Perak. Sehingga 14 Januari 2021, sejumlah 55 individu telah disaring, di mana **15 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada

pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

14 Januari 2021 @ 6.00 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 14 JANUARI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	1,036 (2)	43,164
SABAH	389	42,288
WP KUALA LUMPUR	257 (4)	17,045
JOHOR	460	11,756
NEGERI SEMBILAN	169	9,469
PULAU PINANG	234	5,713
PERAK	92	4,132
KEDAH	86	3,836
PAHANG	113	2,007
SARAWAK	180 (1)	1,920
WP LABUAN	34	1,855
MELAKA	85	1,798
KELANTAN	85	1,649
TERENGGANU	89	661
WP PUTRAJAYA	24	491
PERLIS	4	71
JUMLAH KESELURUHAN	3,337 (7)	147,855

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 3,337 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 14 Januari 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 1,036 kes**

- 471 kes daripada kluster-kluster, termasuk 13 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Selayang**;
- 324 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Dua (2) kes import dari luar negara; dan
- 239 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 460 kes**

- 204 kes daripada kluster-kluster, termasuk 55 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Tropika dan Kluster Pasir Barat**;
- 101 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 155 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 389 kes**

- 10 kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- 279 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 100 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 257 kes**
 - 32 kes daripada kluster-kluster, termasuk 18 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Dutamas dan Kluster Jalan Pahang**;
 - 129 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Empat (4) kes import dari luar negara; dan
 - 95 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang: 234 kes**
 - 166 kes daripada daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 39 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 29 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Sarawak: 180 kes**
 - 170 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
 - Sembilan (9) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 169 kes**
 - 96 kes daripada kluster-kluster, termasuk 88 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Rantau-Siliau**;
 - 52 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 21 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 113 kes**
 - 65 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 29 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 19 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 92 kes**
 - 22 kes daripada kluster-kluster, termasuk satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Intan Mas**;
 - 44 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 26 kes lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: 89 kes**
 - 62 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 21 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan

- Enam (6) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah: 86 kes**
 - 16 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 45 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 25 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Melaka: 85 kes**
 - Empat (4) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 47 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 34 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan: 85 kes**
 - 26 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 38 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 21 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Labuan: 34 kes**
 - 26 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: 24 kes**

- Tiga (3) kes daripada kluster sedia ada;
- 12 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Sembilan (9) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perlis: Empat (4) kes**

- Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Satu (1) kes lain-lain saringan COVID-19.